



Beberapa jemaah haji menunggang e-skuter di Mekah baru-baru ini. - Foto Twitter/alekhbariyatv

## Jemaah guna e-skuter pada musim haji di Makkah

TERJEMAHAN SINAR HARIAN | | 12 Julai 2022

MAKKAH - Sejumlah e-skuter disediakan Pihak Berkuasa Am Pengangkutan (GTA) bagi memudahkan pergerakan mereka semasa menunaikan ibadah haji di Makkah, lapor media Saudi Gazette pada Isnin.

Pihak berkuasa mula menyediakan perkhidmatan skuter elektrik kepada jemaah haji sebagai perkhidmatan percubaan.

Penggunaan e-skuter itu dapat mengurangkan masa pengangkutan jemaah haji semasa mereka bergerak dari Arafah ke Muzdalifah.

Perkhidmatan tersebut dapat memendekkan masa kepada 15 minit dari Arafah ke Muzdalifah.

Para jemaah yang akan menggunakan e-skuter perlu mengikut laluan yang ditetapkan bagi menjaga keselamatan mereka.

Pihak berkuasa juga menyediakan pasukan khusus untuk mengajar jemaah haji tentang cara yang betul untuk menggunakan e-skuter. – Agensi

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/210933/GLOBAL/Jemaah-guna-e-skuter-pada-musim-haji-di-Makkah>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf